

MELENGKAPKAN KARANGAN

pakaian	perkahwinan	pencuci mulut	melangkah	hadrah
berziarah	buah tangan	doa selamat	gambar	sedekah
pusing	diperlihatkan	hidangan	turun	pelamin



Tajuk: Majlis Perkahwinan yang pernah saya saksikan.

Pada 6 Jun 2021 yang lalu, saya berpeluang menghadiri majlis _____ di kampung saya. Saya pergi bersama kedua-dua orang tua saya. Kami tiba di majlis perkahwinan itu lebih awal daripada para jemputan yang lain untuk mengelak kesesakan tempat letak kereta.

Sebelum kami dipersilakan duduk di tempat yang dikhaskan, kami diberi _____ sebagai tanda terima kasih di atas kesudian kami hadir ke majlis itu. Selepas itu, kami duduk di dalam kem. Tidak lama kemudian, para jemputan pun datang dengan memakai _____ berwarna-warni. Jemputan lelaki dan perempuan diasingkan tempat duduknya iaitu di kem berlainan. Bermacam-macam _____ yang tersedia di atas meja seperti nasi putih, nasi kuning, ikan, ayam dan sebagainya. Hidangan buah-buahan yang segar juga ada tersedia sebagai _____.

Apabila semua jemputan telah hadir, tuan rumah pun keluar untuk _____ dengan para jemputan yang hadir. Ada di antara para jemputan yang memberi sampul surat sebagai tanda

_____ kepada tuan rumah. Selesai sahaja acara berziarah, bacaan _____ pun dibacakan untuk memberkati majlis perkahwinan tersebut. Selain itu, kami pun dipersilakan untuk menikmati jamuan yang disediakan.

Setengah jam kemudian, rombongan pengantin lelaki pun tiba. Pukulan _____ semakin rancak dimainkan. Tidak lama kemudian, pengantin lelaki _____ dari kereta bersama rombongan. Sebelum _____ masuk ke dalam rumah, pengantin lelaki bersama rombongan keluarga yang lain dibawa _____ naga sebanyak tiga kali di depan halaman rumah.

Selain itu, pengantin lelaki dibawa masuk ke dalam rumah dan diiringi naik ke _____ untuk duduk bersanding bersama pengantin perempuan. Setelah membaca doa, kedua-dua pengantin dibawa ke luar untuk _____ kepada para jemputan yang hadir. Para jemputan yang hadir tidak melepaskan peluang untuk mengambil _____ kedua-dua pengantin sebagai kenang-kenangan. Setelah selesai adat bersanding, kami pun beredar untuk pulang bersama para jemputan yang lain.



(Dipetik dan disesuaikan daripada Majalah Mekar, Oktober 2010)